

25/10/2003

Kedah sebagai pusat pembangunan intelek Melayu Islam

Z Zaleha

PADA 31 Oktober ini, negarawan kita yang antara paling banyak menabur bakti dan idea bernas di dalam perkhidmatan tertinggi kerajaan Malaysia bakal berundur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berasal dari negeri

Jelapang Padi, Kedah Darul Aman boleh dikatakan memberi sumbangan besar bagi memastikan semua negeri membangun dan mencapai tahap kemajuan ekonomi membanggakan.

Bagi negeri kelahiran beliau, Dr Mahathir amat mengambil berat terhadap pembangunan dari segi ekonomi serta pembangunan infrastruktur serta pendidikan.

Memandangkan Kedah agak ketinggalan dari negeri lain, tidak termasuk Langkawi, apa kiranya jika Kerajaan Pusat mengambil negeri Kedah sebagai 'anak angkat' untuk dijadikan pusat pembangunan intelek Melayu Islam serta dijadikan pusat ilmu yang satu-satunya terulung negara.

Maksud saya ialah Bandar Alor Star dan kawasan sekitarnya. Lihatlah kejayaan anak-anak negeri Kedah yang rata-ratanya berhijrah ke negeri lain menabur bakti demi tugas yang patut dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta pembangunan negara.

Di sini saya ingin mencadangkan agar memberi perhatian terhadap pembangunan ilmu di Kedah selain menyediakan lebih banyak kemudahan yang canggih lagi moden.

Ini penting agar Bumiputera di negeri ini dapat bersaing dengan bangsa lain dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan seterusnya memakmurkan negara amnya.

Berdasarkan sejarah, Kedah adalah negeri pertanian dan masih lagi mendapat gelaran itu hari ini. Memang kerajaan menubuhkan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan banyak lagi pusat pendidikan tetapi ia belum cukup untuk rakyat mencari sumber pengetahuan berkualiti di tengah-tengah perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Bukanlah saya bermaksud meminta secara berlebihan tetapi perlu diingat Kedah adalah negeri yang perlu bersaing dengan negeri jirannya seperti Pulau Pinang.

Bukanlah juga maksud saya untuk melagakan Bumiputera di kedua-dua negeri ini tetapi fikirlah kebaikannya apabila Kedah dapat dimajukan sepenuhnya oleh orang Melayu sendiri.

Z ZALEHA,
Alor Star, Kedah.